

Sajat dakwa produk bengkung diciplak

KUALA LUMPUR - Usahawan kosmetik Nur Sajat atau Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 34, mendakwa kerugian ratusan ribu ringgit selepas produk bengkungnya diciplak oleh individu tidak bertanggungjawab.

Menurutnya, dia mengesan perkara itu sejak tahun lalu apabila produk bengkungnya itu dijual dengan harga jauh lebih murah berbanding harga yang asli.

"Tentang barangan kita iaitu bengkung, ada dikesan dijual di beberapa web e-dagang serta pusat pemborong. Saya sangat tidak berpuas hati kerana ia beri impak besar terutama kepada pengguna serta pihak stokis.

"Kami dapat aduan ada pengguna cedera apabila guna produk bengkung tiruan ini. Ia adalah sangat berbeza dengan produk original kerana ia lebih ber-



FOTO : SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Sajat menunjukkan produk bengkungnya yang didakwa telah diciplak kepada Azeem (kanan) di Pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur semalam.

kualiti," katanya pada sidang akhbar di Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwah Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur di sini semalam.

Terdahulu, usahawan itu hadir kira-kira jam 2.30 petang bagi membuat aduan kepada pihak KPDNHEP Kuala Lumpur berhubung kes barangan tiruan

membabitkan produknya.

"Apabila barang tiruan ini dijual, ia seolah ambil untung atas angin kerana menggunakan nama dan wajah saya," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Azeem Nazuri berkata, tindakan lanjut akan diambil meneliti dokumen berkaitan produk terbabit.

Sajat lapor KPDNHEP, dakwa produk bengkung diciplak

MUHAMMAD AFHAM RAMLI | 25 Jun 2019



Sajat hadir di Pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur, hari ini dan menunjukkan produk bengkungnya yang didakwa diciplak. - FOTO SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

A A

KUALA LUMPUR - Usahawan kosmetik Nur Sajat atau Muhammad Sajjad Kamaruz Zaman, 34, mendakwa kerugian ratusan ribu ringgit selepas produk bengkungnya diciplak oleh individu tidak bertanggungjawab.

Menurut Sajat, beliau mengesan perkara ini sejak tahun lalu apabila produk bengkungnya itu dijual dengan harga jauh lebih murah berbanding harga original.

"Tentang barangan kita iaitu bengkung, ada dikesan dijual di beberapa web e-dagang serta pusat pemborong. Saya sangat tidak berpuas hati kerana ia beri impak besar terutama kepada pengguna serta pihak stokis.

"Kami dapat aduan ada pengguna cedera apabila guna produk bengkung tiruan ini. Ia adalah sangat berbeza dengan produk original kerana ia lebih berkualiti," katanya dalam sidang akhbar di Pejabat Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwai Pengguna (KPDNHEP) Kuala Lumpur di sini hari ini.

Terdahulu, usahawan itu hadir kira-kira jam 2.30 petang bagi membuat aduan kepada pihak KPDNHEP Kuala Lumpur berhubung kes barangan tiruan membabitkan produknya.



Sajat menunjukkan produk bengkungnya yang didakwa dicitak kepada Azeem (kanan) di Pejabat KPDNHEP Kuala Lumpur, hari ini. - FOTO SHARIFUDIN ABDUL RAHIM

Tambah Sajat, perbezaan ketara pada produk original iaitu dari segi jahitan, tagging serta logo.

"Apabila barang tiruan ini dijual, ia seolah ambil untung atas angin kerana menggunakan nama dan wajah saya. Apa yang saya dapat tahu, produk ini ada yang dijual dengan harga RM39 biar pun harga sebenarnya adalah RM139," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga telah mengambil tindakan pada 2 Mei lalu di dua buah premis di Sungai Udang, Klang dan Chow Kit, Kuala Lumpur kerana dipercayai menjual produk bengkung tiruan miliknya.

"Pengguna diminta untuk tidak terpedaya membeli barang yang murah, jika harga lebih murah, itu adalah tiruan, saya tak mahu ia beri kesan kepada pengguna," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Kuala Lumpur, Azeem Nazuri berkata, tindakan lanjut akan diambil termasuk meneliti dokumen berkaitan produk terbabit.

"Kes akan disiasat mengikut Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.